



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AIJBES)
www.aijbess.com



IMPLIKASI DOMINASI KOMUNITI ETNIK ROHINGYA DALAM PERNIAGAAN TERHADAP KESELAMATAN EKONOMI MALAYSIA

IMPLICATIONS OF THE ROHINGYA ETHNIC COMMUNITY'S DOMINANCE IN BUSINESS ON MALAYSIA'S ECONOMIC SECURITY

Hairunnisa Zakaria^{1*}, Noraini Zulkifli²

¹ Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang (JHAKU), Fakulti Pengajian dan Pengurusan
Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Email: hairunnisazakaria@gmail.com

² Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang (JHAKU), Fakulti Pengajian dan Pengurusan
Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Email: noraini@upnm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 28.08.2025

Published date: 22.09.2025

To cite this document:

Zakaria, H., & Zulkifli, N. (2025).
Implikasi Dominasi Komuniti Etnik
Rohingya Dalam Perniagaan
Terhadap Keselamatan Ekonomi
Malaysia. *Advanced International
Journal of Business Entrepreneurship
and SMEs*, 7 (25), 558-570.

DOI: 10.35631/AIJBES.725038

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dominasi komuniti etnik Rohingya dalam sektor ekonomi tertentu, terutamanya melalui aktiviti perniagaan tidak formal menimbulkan pelbagai implikasi terhadap keselamatan ekonomi Malaysia. Golongan pelarian ini bukan setakat memperoleh pendapatan sebagai pemotong rumput, buruh kontrak dan pencari besi buruk. Peningkatan penglibatan mereka dalam pasaran tempatan bukan sahaja mencetuskan persaingan dengan peniaga tempatan tetapi juga menimbulkan kebimbangan berkaitan kestabilan ekonomi serta kawal selia perniagaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Data primer dikumpul daripada Temu bual dan pemerhatian di kawasan terlibat. Data sekunder daripada sumber empirikal seperti disertasi, jurnal dan data dalam talian. Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu 1) mengkaji kesan keselamatan ekonomi akibat banjir komuniti etnik Rohingya; 2) menganalisis langkah-langkah pengurusan dan keselamatan akibat dominasi pelarian Rohingya dalam ekonomi Malaysia; dan 3) menganalisis keberhasilan polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengurus keselamatan ekonomi akibat banjir komuniti etnik Rohingya. Hasil kajian ini mendapati 1) dominasi komuniti etnik Rohingya dalam perniagaan menjejaskan ekonomi penduduk tempatan dan menggugat kestabilan ekonomi negara; 2) langkah pengurusan dan keselamatan akibat dominasi sektor ekonomi oleh komuniti etnik Rohingya tidak dilaksanakan secara efektif; dan 3) dasar kerajaan sedia ada

dalam menguruskan keselamatan ekonomi tidak mencukupi serta tidak selaras antara kerajaan Persekutuan dan negeri. Kajian ini menyarankan supaya kerajaan memperkukuh dasar dan perundangan. Kerajaan juga perlu menguruskan data dan pendaftaran pelarian bagi memastikan keselamatan ekonomi Malaysia tidak terjejas dan kekal terjamin.

Kata Kunci:

Ekonomi, Keselamatan, Malaysia, Perniagaan, Rohingya

Abstract:

The dominance of the Rohingya ethnic community in certain economic sectors, especially through informal business activities, has various implications for Malaysia's economic security. These refugees not only earn their income as lawnmowers, contract labourers and scrap metal collectors. Their increased involvement in the local market not only creates competition with local traders but also raises concerns regarding economic stability and business regulation. This study uses a qualitative method with data obtained from primary and secondary sources. Primary data is collected from interviews and observations in the fieldwork. Secondary data is derived from empirical sources, including dissertations, academic journals, and online data. This study has three objectives: 1) to examine the impact of economic security resulting from the influx of the Rohingya ethnic community; 2) to analyse the management and security measures related to the presence of Rohingya refugees in the Malaysian economy; and 3) to examine the effectiveness of government policies implemented to manage economic security in light of the influx of the Rohingya ethnic community. The findings of this study indicate that 1) the dominance of the Rohingya ethnic community in business impacts the local economy and poses risks to the overall economic stability of the country; 2) management and security measures related to the economic dominance of the Rohingya community are not being executed effectively; and 3) current government policies aimed at managing economic security are insufficient and lack consistency between federal and state levels. This analysis suggests that the government enhance its policies and legislative framework. The government must effectively oversee refugee data and registration to ensure Malaysia's economic security and ensure its continued stability.

Keywords:

Economy, Security, Malaysia, Business, Rohingya

Pengenalan

Selama bertahun-tahun, pelarian Rohingya telah membentuk komuniti di beberapa lokasi utama di Malaysia, terutamanya di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kedah, dan Johor. Dalam Lembah Klang, kebanyakan mereka menetap di negeri Selangor, dengan kawasan tumpuan seperti Ampang, Gombak, dan Hulu Langat yang sehingga hari ini masih menjadi pusat penempatan utama bagi etnik ini. Keadaan ini mencerminkan bagaimana komuniti Rohingya telah berakar umbi di Malaysia, membina kehidupan dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran sebagai pelarian (Intan Suria et al., 2016:12, Nur Syazwani dan Ishtiaq, 2019:437 dan Teo, 2020:104).

Kehadiran komuniti Rohingya menjadi isu besar dalam kalangan masyarakat tempatan terutamanya daripada aspek sosial dan keselamatan ekonomi negara (Mohamad Azri et al., 2022:120). Golongan pelarian ini bukan setakat memperoleh pendapatan sebagai pemotong rumput, buruh kontrak dan pencari besi buruk. Penguasaan mereka yang semakin meningkat dalam industri tertentu, terutamanya melalui aktiviti perniagaan tidak formal telah mencetuskan perdebatan mengenai pengaruh ekonomi dan implikasi kawal selia komuniti etnik Rohingya.

Golongan pelarian yang sinonim dengan kehadiran mereka di sekitar Pasar Harian Selayang didapati menjejaskan ekonomi penduduk tempatan (Hamzah, 2023). Selepas pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) tamat pada 2021 jumlah warga asing membabitkan etnik Rohingya yang berniaga di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur meningkat lebih dua kali ganda, walaupun diperangi pihak berkuasa sejak lebih dua dekad lalu (Noor Hidayah, 2022). Menurut Mohd Jamilul dan Noor Hidayah (2022), selain menawarkan harga yang lebih murah berbanding peniaga tempatan mereka juga menimbulkan kekacauan dan kesesakan jalan raya di kawasan berkenaan.

Dominasi komuniti etnik Rohingya dalam sektor ekonomi tertentu, terutamanya melalui aktiviti perniagaan tidak formal telah menimbulkan pelbagai implikasi terhadap keselamatan ekonomi Malaysia. Peningkatan penglibatan mereka dalam pasaran tempatan bukan sahaja mencetuskan persaingan dengan peniaga tempatan tetapi juga menimbulkan kebimbangan berkaitan kestabilan ekonomi serta kawal selia perniagaan. Keadaan ini memerlukan perhatian serius daripada pihak berkuasa bagi memastikan keseimbangan antara aspek kemanusiaan dan kepentingan ekonomi negara terus terpelihara. Tanpa kawalan yang efektif, isu ini berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap struktur ekonomi Malaysia.

Sorotan Literatur

Kebanjiran komuniti etnik Rohingya di Malaysia telah menjadi subjek kajian yang meluas dengan penekanan terhadap pelbagai implikasi dalam aspek keselamatan ekonomi, politik dan sosial. Kajian oleh Azizah (2015) menekankan bahawa ketiadaan pendidikan formal dalam kalangan kanak-kanak Rohingya boleh membawa kepada penglibatan mereka dalam aktiviti antisosial dan jenayah apabila dewasa kelak. Selain itu, Azlinariah et al. (2018) mendapati bahawa kekurangan akses pendidikan bagi kanak-kanak Rohingya meningkatkan risiko mereka terlibat dalam aktiviti buruk seperti pengemisan. Aida dan Napisah (2022) juga membuktikan bahawa tanpa pendidikan, kanak-kanak pelarian mudah terdedah kepada eksploitasi dan kegiatan jenayah.

Dalam aspek keselamatan, kajian oleh Intan Suria dan Sity (2016) menunjukkan bahawa kehadiran pendatang asing termasuk etnik Rohingya telah menggugat keamanan di kawasan bandar seperti Selangor dan Kuala Lumpur dengan peningkatan jenayah kekerasan dan harta benda. Kajian oleh Intan Suria et al. (2020) turut menegaskan bahawa kedatangan pelarian Rohingya menimbulkan masalah kepada negara dengan peningkatan kes jenayah harta benda dan risiko penyebaran penyakit berjangkit. Mohammad Adhwa' (2018) pula menyatakan bahawa tingkah laku negatif sesetengah komuniti Rohingya telah menjejaskan sikap prihatin rakyat Malaysia serta menimbulkan kebimbangan mengenai kedaulatan negara.

Dalam aspek sosial dan politik, kajian oleh Fuad (2019) menyoroti bahawa kehadiran pendatang asing tanpa izin termasuk etnik Rohingya membawa implikasi dalam aspek sosial, politik dan keselamatan, termasuk penyebaran penyakit dan peningkatan jenayah. Kajian oleh Shamim (2022) menunjukkan bahawa kehadiran pelarian Rohingya dalam jangka masa panjang di Bangladesh menyebabkan isu keselamatan seperti pengedaran dadah dan pergaduhan berkumpulan. Selain itu, kajian oleh Zulfaqar dan Rodziana (2020) mendapati bahawa ketiadaan pengurusan perkahwinan yang teratur dalam kalangan komuniti Rohingya membawa kepada isu seperti sijil nikah palsu dan pelanggaran hak pasangan serta anak-anak.

Daripada sudut ekonomi, kajian oleh Mohd Ramlan dan Mohammad Fajil (2023) menjelaskan bahawa aliran masuk pelarian boleh memberi kesan negatif terhadap ekonomi jika mereka didiskriminasi oleh majikan, memandangkan mereka bekerja secara tidak sah dan memasuki sektor berkemahiran rendah. Andika (2019) pula meneliti penglibatan individu Rohingya dalam aktiviti penyeludupan manusia yang dianggap sebagai perniagaan atau perkhidmatan berdasarkan semangat persaudaraan.

Manakala, kajian oleh Azizah dan Mohd Yahya (2021) menekankan bahawa kehadiran pelarian Rohingya menjadi beban kepada masyarakat global dan mencetuskan polemik di Malaysia sejak 2016. Kajian oleh Nadhirah dan Mohd Irwan (2023) mendapati bahawa pengalaman negatif rakyat Malaysia dengan pelarian Rohingya meningkatkan rungutan di media sosial dan kebimbangan mengenai keselamatan. Secara keseluruhan, literatur sedia ada menunjukkan bahawa kebanjiran komuniti Rohingya di Malaysia membawa pelbagai implikasi yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak.

Konsep Keselamatan Ekonomi

Keselamatan ekonomi pula memberi kesan terhadap kemampuan negara mengekalkan sumber kewangan untuk menjana kekuatan ekonomi. Kegiatan jenayah yang berlaku memberi kesan kepada keselamatan ekonomi negara. Buzan (1983:79-82) mentakrifkan keselamatan ekonomi sebagai kerajaan yang mampu mengekalkan sumber ekonomi secara berpanjangan dan tidak mengharapkan pihak lain dengan menjana ekonomi negara sendiri melalui penghasilan produk untuk dieskport ke luar negara. Buzan (1991:19) turut berpendapat, keselamatan ekonomi melibatkan akses kepada sumber kewangan dan pasaran yang diperlukan untuk memelihara tahap kebajikan rakyat dan kuasa negara.

Menurut Kamarulnizam (1999:156-157), kebanyakan negara di seluruh dunia mula mengutamakan keselamatan ekonomi sebagai kebimbangan utama negara selepas tamat Perang Dingin. Sebelum ini, ahli ekonomi menganggap keselamatan ekonomi sebagai kurang penting kerana isu utama dunia adalah mempertahankan kepentingan nasional. Walau bagaimanapun, mentakrifkan dan mentafsir keselamatan ekonomi masih mencabar kerana hubungan yang kompleks antara faktor keselamatan dan ekonomi. Hubungan yang rumit ini mempunyai implikasi yang meluas, bukan sahaja untuk interaksi antara individu dan kerajaan tetapi juga untuk hubungan antara negara.

Manakala, Ronis (2011) menjelaskan keselamatan ekonomi sebagai tonggak asas keselamatan negara. Daya maju ekonomi sesebuah negara adalah penting kerana tanpa modal, perniagaan, keuntungan dan pekerjaan akhirnya akan mengakibatkan kekurangan hasil cukai serta menjejaskan keupayaan ketenteraan. Menerusi infrastruktur perindustrian yang kukuh akan mewujudkan pekerjaan, menjana kekayaan dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Tanpa

peluang pekerjaan yang mencukupi, kesejahteraan masyarakat akan merosot, meningkatkan risiko perpecahan dan konflik.

Kesan Kebanjiran Etnik Rohingya Terhadap Ekonomi

Kebanjiran etnik Rohingya di Malaysia bukan sahaja menimbulkan implikasi dari sudut sosial dan keselamatan, malah turut memberi kesan langsung terhadap aspek ekonomi negara. Kehadiran mereka dalam jumlah yang besar tanpa status sah memberi kesan terhadap aktiviti perniagaan serta kestabilan sistem kewangan tempatan. Hal ini dapat dilihat melalui dominasi mereka dalam perniagaan, kewujudan perbankan haram yang beroperasi di luar kawalan undang-undang serta kehilangan hasil cukai yang sepatutnya disumbangkan kepada kerajaan.

Dominasi Dalam Perniagaan

Dianggar seramai 16,000 warga asing termasuk golongan pelarian Rohingya yang memegang kad Pesuruhjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) berada di sekitar Pasar Borong Selayang, Selangor berbanding 6,000 rakyat tempatan (Bernama, 2020). Menurut Intan Suria et al. (2020:150), etnik Rohingya mahir dalam urusan jual beli dan menjadi orang tengah kepada pelanggan. Mereka juga memahami budaya tawar-menawar masyarakat tempatan. Pemilik gerai menjual sayur dan ikan di pasar adalah milik orang Cina. Namun, pelarian Rohingya menjadi penjaga gerai dan menjalankan operasi harian. Sebilangan golongan ini yang telah lama berada di Malaysia berjaya mengusahakan kedai runcit dan gerai makan milik sendiri di sekitar pasar.

Jadual 1, Kronologi Pelarian Rohingya di Pasar Borong Selayang

Tahun	Peristiwa
Awal 2000an	Pelarian Rohingya mula bekerja di Pasar Borong Selayang, menyewa lot kedai dan menjual barangan.
Februari 2016	Pergaduhan berlaku antara penduduk tempatan dan pekerja Rohingya menyebabkan seorang maut dan dua cedera.
April 2020	Pasar ditutup akibat wabak COVID-19 dengan 28 jangkitan dan satu kematian.
Jun 2020	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melarang pelarian, termasuk pemegang kad UNHCR, daripada memasuki pasar. Warga asing hanya dibenarkan masuk jika ditemani oleh warga Malaysia dan memegang permit yang sah.
April 2022	Pegawai Imigresen menahan 248 warga asing termasuk peniaga Rohingya.
Februari 2023	Peniaga Rohingya kembali menjual barangan di tempat letak kereta dan berhampiran persimpangan.

Sumber: (Diolah oleh penyelidik, 2025)

Jadual 1 menunjukkan kronologi kehadiran etnik Rohingya di Pasar Borong Selayang secara beransur-ansur di kawasan itu bermula dari awal 2000-an apabila mereka mula bekerja di gerai milik rakyat tempatan. Pada 2020, pasaran ditutup buat sementara waktu kerana wabak COVID-19, yang membawa kepada penguatkuasaan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa. Pada 2022, imigresen menahan 248 pendatang asing tanpa izin termasuk pelarian Rohingya (Nizam, 2022). Namun, pada 2023 menunjukkan peniaga etnik Rohingya telah kembali beroperasi. Kehadiran berterusan etnik Rohingya di pasar harian ini menimbulkan kebimbangan rakyat tempatan. Aktiviti perniagaan oleh etnik Rohingya dilihat semakin tidak terkawal,

termasuk di kawasan terlarang seperti tempat letak kereta dan tepi jalan. Keadaan ini berterusan tanpa pemantauan yang efektif oleh pihak berkuasa (Muhammad, 2023).

Pada mulanya, ramai pelarian ini bekerja sebagai buruh di pasar dan sektor tidak formal lain, melakukan pekerjaan yang selalunya kurang diminati oleh penduduk tempatan seperti kerja-kerja berat, kotor dan bersedia kerja lebih masa. Pemilik gerai jualan memberi kepercayaan kepada mereka untuk mengendali dan menguruskan perniagaan sepenuhnya bermula daripada penerimaan bahan mentah sehingga menjual kepada masyarakat tempatan. Pemilik gerai tidak memantau dan hanya menerima laporan dan hasil jualan sahaja. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih berani dan terus berpengaruh di kawasan tersebut. Dari semasa ke semasa, mereka secara beransur-ansur mendapatkan ruang kedai dan premis perniagaan daripada peniaga tempatan yang menyewakan lesen perniagaan (Halim, 2024).

Akibatnya, ramai peniaga tempatan terutamanya vendor berskala kecil tidak dapat terus bertahan kerana kehadiran yang agresif usahawan etnik Rohingya. Golongan pendatang asing ini beroperasi tanpa membayar cukai, permit perniagaan atau mematuhi peraturan perniagaan tempatan. Ini mewujudkan medan permainan yang tidak sekata di mana usahawan tempatan, yang mesti mematuhi kewajipan undang-undang dan kewangan. Situasi ini juga membuatkan mereka berupaya menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang lebih rendah (Intan Suria, 2024). Menurut Roslim (2025), bank-bank yang pernah beroperasi di sekitar Pasar Selayang turut memberhentikan operasi di situ. Bangunan bank itu kini turut dijadikan lokasi oleh etnik Rohingya untuk menjual bahan-bahan basah.

Selain menguasai perniagaan di Pasar Borong Selayang, etnik Rohingya juga mempelopori sektor pertanian tempatan. Tanah pertanian yang dahulunya diusahakan warga tempatan kini dikuasai etnik Rohingya. Mereka menukar sawah padi seluas 12 hektar menjadi ladang sayur di Sekinchan dan Tanjong Karang, Selangor. Etnik Rohingya yang sebelum ini mengambil upah bekerja dan menyewa sawah milik rakyat tempatan kini berubah menjadi tauke ladang (Nor Azam et al., 2023). Golongan ini aktif mengusahakan tanaman kontan seperti jagung dan ubi kayu yang hidup subur di kawasan sawah padi selain menanam sayuran seperti labu dan kacang bendi. Mereka mengusahakan tanaman berkenaan di atas tanah rizab kerajaan selain ada pemilik tanah sanggup memajak tanah kepada golongan ini semata-mata mahu meraih keuntungan besar. Etnik Rohingya sanggup membayar kadar sewa atau pajakan tinggi kepada pemilik tanah (Halim, 2024 dan Sophian, 2024).

Komuniti etnik Rohingya mengusahakan kebun sayur-sayuran pada skala besar dan mula menjualnya kepada pemborong tempatan. Tindakan mereka ini memberi kesan terhadap hasil jualan sayur-sayuran pekebun tempatan. Mereka menawarkan harga yang jauh lebih murah berbanding harga pasaran. Ini menyebabkan ramai pemborong tempatan membeli daripada mereka. Hal ini menyebabkan sayur-sayuran dari kebun penduduk tempatan tidak laku dan seringkali berlaku lambakan (Roslim, 2025).

Selain sayur-sayuran, komuniti etnik Rohingya juga menceburi tanaman padi di Selangor dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada pesawah tempatan. Mereka menawarkan kerja-kerja meracun dan membaja serendah RM 6 hingga RM 8 sahaja setiap tong atau kampil baja kepada pesawah tempatan. Ini sekali gus memberikan persaingan kepada warga tempatan yang sebelum ini meletakkan harga antara RM 10 hingga RM 12 bagi setiap tong atau kampil baja. Malah, ada juga pesawah yang mengupah mereka sepenuhnya bagi menjaga petak sawah


yang diusahakan berikutan harga upah yang rendah. Golongan etnik ini juga telah mahir membuat sediaan padi sebelum dijual pada pesawah tempatan pada harga sekitar RM700 bagi satu ekar. Kegiatan ini memberi kesan besar pada penduduk tempatan yang mencari rezeki melalui kerja recai dan mengambil upah di sawah (Mustafa, 2025).

Sementara itu, kajian lapangan di sekitar Klang, Selangor, mendapati etnik Rohingya turut menceburi sektor perkhidmatan mencuci kereta. Mereka merupakan pemilik perniagaan tersebut, mengupah pekerja asing dari negara lain seperti Indonesia dan Nepal. Perkembangan ini menunjukkan peralihan peranan ekonomi mereka daripada buruh kepada peniaga yang menggaji migran lain. Perniagaan yang diusahakan bukan sahaja memberi sumber pendapatan kepada komuniti etnik Rohingya malah membuka peluang pekerjaan kepada pekerja asing yang lain. Tidak seperti pengendali cuci kereta tempatan yang mengenakan bayaran lebih tinggi, pendatang asing tanpa izin ini mengekalkan harga yang lebih rendah untuk menarik lebih ramai pelanggan, memanfaatkan harga yang kompetitif sebagai strategi utama untuk mengekalkan operasinya (Roslim, 2025).

Manakala, kajian lapangan di Negeri Sembilan, Johor, dan Pulau Pinang mendapati komuniti etnik Rohingya secara beransur-ansur terlibat dalam sektor pembinaan. Pada mulanya bekerja sebagai buruh biasa, etnik Rohingya yang telah berada lebih 20 tahun di Malaysia mengembangkan peranan mereka, memanfaatkan kemahiran dan rangkaian untuk mendapatkan projek yang lebih besar. Lama kelamaan, komuniti ini menjalinkan hubungan yang luas membolehkan mereka beroperasi sebagai kontraktor bebas dan bukan hanya pekerja (Abdul Razak dan Din, 2024). Di Pulau Pinang, mereka sering mendapatkan kontrak untuk kerja-kerja penyelenggaraan masjid dan surau (Mazlan, 2025).

Perbankan Haram

Komuniti etnik Rohingya sering bergantung kepada rangkaian kewangan tidak rasmi, kadangkala dirujuk sebagai bank haram atau sistem perbankan bawah tanah, untuk menguruskan wang mereka. Salah satu kaedah paling biasa digunakan ialah sistem hawala, rangkaian kiriman wang berasaskan amanah yang beroperasi di luar peraturan perbankan rasmi (UNODC, 2023:29). Di Malaysia, sindiket menggunakan modus operandi beroperasi di restoran, kedai runcit, kedai kosmetik dan kios menjual peralatan elektronik bagi menutup jejak aktiviti mengurus wang tanpa lesen (Samadi, 2023).



Rajah1, Proses Sistem Perbankan Bawah Tanah

Sumber: (Diolah oleh Penyelidik, 2025)

Rajah 1 menunjukkan proses sistem kewangan tidak rasmi etnik Rohingya. Menerusi sistem ini, seorang etnik Rohingya yang memperoleh pendapatan di Malaysia menyerahkan wang tunai kepada ejen hawala tempatan. Ejen ini kemudian menghubungi rakan sejawat di negara asal atau penempatan pelarian seperti kem Balukhali dan Kutupalong, Bangladesh. Ejen di negara penerima akan menghantar jumlah yang setara kepada penerima. Tiada wang fizikal

dipindahkan merentasi sempadan sebaliknya, urus niaga bergantung pada kepercayaan peribadi dan sistem lejar tidak rasmi (Harun, 2024).

Kaedah ini membolehkan individu etnik Rohingya memindahkan wang secara berhati-hati, mengelak sekatan perbankan dan penelitian undang-undang, terutamanya kerana tidak mempunyai akses kepada institusi kewangan rasmi. Hal ini kerana status mereka yang tidak berdokumen. Selain itu, dalam komuniti mereka sesetengah etnik Rohingya mengendalikan sistem simpanan dan pinjaman rahsia, mengumpulkan wang untuk kegunaan kecemasan, pelaburan perniagaan, atau pembayaran penyeludupan manusia. Rangkaian bawah tanah ini, walaupun penting untuk kelangsungan hidup tetapi turut mendedahkan mereka kepada risiko seperti penipuan, pemerasan dan eksploitasi oleh orang tengah yang tidak bertanggungjawab (Sophian, 2024).

Kehilangan Hasil Cukai Kerajaan

Memandangkan kebanyakan perniagaan komuniti etnik Rohingya beroperasi secara tidak formal, mereka tidak menyumbang kepada sistem cukai negara. Ini mengakibatkan ketirisan ekonomi yang ketara, di mana wang beredar dalam ekonomi tanpa dokumen dan bukannya menyumbang kepada hasil negara Malaysia (Halim, 2024). Peluasan perniagaan yang dikendalikan Rohingya tanpa dokumentasi yang betul juga memberikan cabaran kepada pihak berkuasa tempatan dalam menguatkuasakan peraturan perniagaan dan mengekalkan persaingan yang adil dalam pasaran. Keupayaan peniaga Rohingya mengupah pekerja asing merumitkan lagi dinamik pasaran buruh, terutamanya apabila mereka beroperasi di luar rangka kerja perundangan rasmi (Mustafa, 2025).

Sementara itu, sistem bank haram yang digunakan secara meluas oleh etnik Rohingya di Malaysia untuk menghantar wang kepada keluarga mereka di Bangladesh dan Myanmar memberikan beberapa cabaran kawal selia ekonomi dan keselamatan kepada kerajaan Malaysia. Memandangkan sistem perbankan bawah tanah ini beroperasi di luar sistem kewangan formal, Bank Negara Malaysia (BNM) menghadapi kesukaran untuk memantau pengirisan wang rentas sempadan sekali gus menghadkan keupayaan pihak berkuasa untuk mengesan transaksi mencurigakan yang mungkin dikaitkan dengan aktiviti haram seperti pembiayaan keganasan atau perdagangan manusia (Zulkarnain, 2024).

Tambahan pula, sifat tidak formal transaksi ini mengakibatkan kerugian ekonomi dan hasil, kerana aliran kewangan yang tidak dilaporkan membawa kepada pengurangan hasil cukai dan menyumbang kepada aliran keluar modal yang melemahkan rizab pertukaran asing Malaysia. Ketiadaan pengawasan juga meningkatkan potensi jenayah kewangan kerana sesetengah ejen di negara penerima mungkin mengintegrasikan pengirisan wang yang sah dengan dana haram yang diperoleh daripada aktiviti seperti pengedaran dadah, penyeludupan atau perdagangan haram (Andinor, 2024).

Selain itu, pengecualian undang-undang dan kewangan etnik Rohingya memburukkan lagi isu ini kerana mereka tidak diiktiraf secara rasmi sebagai pekerja sah di Malaysia dan dengan itu kekurangan akses kepada perkhidmatan perbankan formal. Akibatnya, fenomena ini menuntut penelitian yang lebih mendalam daripada pihak penggubal dasar bagi memastikan penyertaan ekonomi komuniti pelarian selaras dengan undang-undang buruh negara serta kerangka pengawalseliaan yang sedia ada. Langkah ini penting untuk melindungi kepentingan

perniagaan tempatan di samping menjaga kestabilan dan keselamatan ekonomi negara (Mohd Zulhairi, 2025).

Saranan Pengurusan Komuniti Etnik Rohingya

Kebanjiran komuniti Rohingya di Malaysia mencetuskan keperluan bagi kerajaan Malaysia untuk mengambil langkah-langkah pengurusan, keselamatan, dan polisi yang berkesan bagi menjamin kestabilan ekonomi dan keselamatan negara.

Pengukuhan Dasar dan Perundangan

Di Malaysia, tidak ada kerangka perundangan dan pentadbiran khusus mengenai pelarian (Mohd Zulhairi, 2024). Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966 merupakan set perundangan sedia ada yang sering diguna pakai dalam menangani kehadiran pelarian di Malaysia. Oleh itu, pelarian dan pencari suaka adalah sama tertakluk kepada Akta Imigresen seperti pendatang asing tanpa izin (PATI) yang lain. Contohnya, jika mereka memasuki atau tinggal di Malaysia secara tidak sah mereka boleh dipenjarakan, disebat, ditahan atau dibuang negeri (Andinor, 2024).

Terdapat beberapa agensi kerajaan yang mempunyai mandat khusus menangani isu berkaitan orang pelarian di Malaysia. Antaranya ialah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Agensi-agensi ini memainkan peranan penting dalam mengawal kemasukan, memantau pergerakan dan memberi bantuan kesihatan asas dan memastikan kehadiran pelarian ke Malaysia tidak membawa ancaman keselamatan. MKN merupakan agensi utama kerajaan yang mempunyai mandat khusus berkenaan pelarian di Malaysia (Andika, 2019:48).

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut terlibat dalam menangani isu peniaga warga asing tanpa lesen. Sebagai contoh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan sitaan terhadap barangan jualan warga asing yang dibuat mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 serta Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016. Bagi penjaja warga asing yang didapati menjalankan aktiviti menjaja tanpa lesen, tindakan serta-merta dilakukan. Semua barangan yang disita tidak boleh dituntut semula (DBKL, 2020). Manakala, beberapa PBT telah memperkenalkan syarat pelesenan yang lebih ketat untuk mengelakkan penguasaan asing dalam perniagaan tempatan. PBT Negeri Sembilan, memerlukan pemegang lesen mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan memastikan hanya warganegara Malaysia yang menjalankan perniagaan (Bernama, 2023).

Dasar sedia ada dalam menangani isu pelarian di Malaysia mempunyai beberapa kelemahan yang ketara. Antaranya, terdapat kelemahan seperti undang-undang yang tidak selaras antara kerajaan Persekutuan dan negeri. Sehubungan itu, kerajaan perlu menggubal dasar yang lebih jelas mengenai pelarian, termasuk menetapkan status undang-undang mereka, hak dan tanggungjawab, serta mekanisme kawalan dan pengurusan yang sistematik (Halim, 2024). Kelemahan dalam undang-undang negara akan dimanfaatkan oleh penjenayah untuk melakukan jenayah (Muhammad Khairul Haffizi, 2025).

Pengurusan Data dan Pendaftaran Pelarian

Kerajaan perlu memperkenalkan sistem pendaftaran pelarian yang lebih sistematik bagi memastikan pemantauan yang berkesan terhadap keberadaan mereka serta mengurangkan risiko eksploitasi oleh sindiket pemerdagangan manusia dan aktiviti ekonomi tidak sah. Sistem pendaftaran ini boleh dijadikan asas dalam menilai jumlah pelarian yang berada di negara ini, memastikan mereka direkodkan dalam pangkalan data rasmi, serta membolehkan pihak berkuasa mengenal pasti pergerakan dan aktiviti mereka dalam negara (Muhammad Khairul Haffizi, 2025 dan Roslim, 2025).

Sistem pendaftaran pelarian juga perlu diselaraskan dengan agensi keselamatan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan pihak berkuasa tempatan dan boleh dibantu oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan kawalan menyeluruh. Menerusi integrasi data antara agensi, kerajaan boleh mengenal pasti individu yang berisiko, mencegah pelarian daripada menyalahgunakan kemudahan yang disediakan, serta mengelakkan kehadiran mereka daripada mengancam keselamatan ekonomi negara (Halim, 2024).

Menurut Zulkarnain (2024) kewujudan aktiviti perbankan bawah tanah dan pengiriman wang haram dalam kalangan komuniti Rohingya menimbulkan cabaran besar kepada kestabilan ekonomi negara. Pergerakan wang secara tidak terkawal bukan sahaja menyebabkan ketirisan hasil cukai negara, tetapi juga membuka ruang kepada kegiatan jenayah seperti pengubahan wang haram dan pembiayaan jenayah terancang. Oleh itu, pengurusan data dan sistem pendaftaran pelarian yang lebih sistematik menjadi langkah penting dalam menangani isu ini. Sistem pendaftaran pelarian yang teratur akan membolehkan kerajaan mengenal pasti jumlah sebenar pelarian yang berada di Malaysia serta memantau aktiviti ekonomi mereka. Menerusi pangkalan data yang dikemas kini secara berkala, pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguatkuasaan kewangan boleh mengawal selia akses pelarian kepada perkhidmatan kewangan yang sah, mengesan dan mengenal pasti individu yang terlibat dalam pengiriman wang mencurigakan serta mengurangkan kebergantungan pelarian kepada sistem perbankan tidak rasmi seperti hawala, yang sering disalahgunakan untuk aktiviti jenayah rentas sempadan (Sophian, 2024).

Kesimpulan

Kebanjiran komuniti etnik Rohingya di Malaysia membawa implikasi besar terhadap keselamatan ekonomi negara, terutamanya dalam aspek dominasi sektor perniagaan tidak formal, ketidakseimbangan pasaran buruh dan kehilangan hasil cukai. Kajian ini mendapati bahawa ketiadaan dasar dan perundangan khusus bagi pelarian serta kelemahan dalam kawal selia membolehkan komuniti ini menguasai sektor ekonomi tertentu tanpa pemantauan yang efektif. Selain itu, kegiatan perbankan bawah tanah dan pengiriman wang haram yang tidak dikawal dengan baik turut menyumbang kepada ketirisan ekonomi dan potensi penyalahgunaan sistem kewangan negara.

Bagi memastikan kestabilan ekonomi Malaysia tidak terjejas, langkah proaktif perlu diambil oleh kerajaan. Ini termasuk memperkuat dasar dan perundangan berkaitan pelarian, menyelaraskan polisi antara kerajaan Persekutuan dan negeri, serta memperkenalkan sistem pendaftaran pelarian. Menerusi pemantauan yang lebih ketat dan penyelarasan antara agensi berkaitan, kerajaan dapat mengawal keberadaan pelarian, mengurus akses mereka kepada sektor ekonomi, dan membanteras kegiatan kewangan tidak sah.

Penghargaan

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, suami tercinta dan ahli keluarga atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan semua informan yang telah memberikan kerjasama tidak ternilai dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Razak Rahman. (2024). Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Skudai Kiri, Johor Bahru. *Temu bual*. 06 November.
- Aida, Z. S., & Napisah, K. I. (2022). Dilema pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia: Satu tinjauan awal [The education dilemma of Rohingya children in Malaysia: A preliminary review]. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 33(1), 79–105.
- Andika, A. W. (2019). *Dalal dan Penyeludupan Rohingya ke Malaysia*. (Edisi Pertama). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andinor Anuar. (2024). Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Putrajaya. *Mail Elektronik*, 24 Oktober.
- Azizah, K. (2015). *Implikasi Keselamatan Kedatangan Orang Pelarian di Malaysia: Kajian Kes Kaum Rohingya Dari Myanmar*. Dalam Zarina, O. & Nor Azizan, I. *Migrasi Dan Keselamatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Azizah, H. & Mohd Yahya, M. A. (2021). *Refugees In Malaysia Voice of the Displaced*. USIM PRESS.
- Azlinariah, A., Azharudin, M. D. & Mohamad Rodzi, A. R. (2018). Surviving Stateless Refugees: The Uncertain Future Of Rohingya's Children In Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 45(1).
- Bernama. (2020, April 27). 'Kami memohon maaf'. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/571642/kami-memohon-maaf>
- Bernama. (2023, Disember 9). N. Sembilan PBTs impose additional licence conditions to address foreign traders' issues. *The Sun*. <https://thesun.my/malaysia-news/n-sembilan-pbts-impose-additional-licence-conditions-to-address-foreign-traders-issues>
- Buzan, B. (1983). *People, States and Fear; The National Secutity Problem in International Relation*. The University of North Carolina Press.
- Buzan, B. (1991). *People, States and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War Era*. Harvester Wheatsheaf.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (DBKL). *UUK Pelesenan Pasar (WPKL) 2016*. <https://www.dbkl.gov.my/wp-content/uploads/2020/10/26-uuk-255.pdf>
- Fuad, M. B. (2019). Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Johor: Profil demografi dan dokumen kemasukan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 72-92.
- Halim Ishak. (2024). Pengerusi Yayasan Keperihatinan Komuniti Malaysia (MCCF), Batu Caves, Batu Caves, Selangor. *Temu bual*, 9 Mei.
- Harun Rasyid Md Habib. (2024). Ketua Rohingya Taman Jujur, Seremban. *Temu bual*. 06 November.
- Hamzah, I. (2023). *Pengukuhan Keselamatan Sempadan Negara: Strategi dan Tindakan*.
- Intan Suria, H., & Sity, D. (2016). Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. *Sains Insani*, 1 (1), 69–77.
- Intan Suria, H., Sity, D., & Nor Azizan, I. (2016). Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia*, 12(9).

- Intan Suria, H., Sity, D. & Nor Azizan, I. (2020). *Pendatang asing Myanmar dan keselamatan insan di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Intan Suria Hamzah. (2024). Pensyarah Kanan, Kenegaraan, Sains Politik & Keselamatan Insan, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI, Perak. *GoogleMeet*, 06 Jun.
- Kamarulnizam, A. (1999). Agenda baru keselamatan di era pasca Perang Dingin? *Jurnal Kinabalu*, 1(1), 152–176.
- Mazlan Abdul. (2025). Pengerusi Gerak Daya Wawasan (GDW), Kampung Contoh, Bagan Ajam, Penang. *Temu bual*, 7 Februari.
- Mohammad Adhwa', M. M. (2018). Tular Isu Negatif Rohingya: Sejauh Manakah Kita Berlapang Dada? Dalam Muhammad Faisal, A. A. *Rohingya Bantu Atau Bantai?*. ABIM PREESS, Kuala Lumpur.
- Mohamad Azri, A. M., Soon, K., Meera, A., Faizah, M. F., & Fathiyah, M. F. (2022). Kajian Kes Bentuk Penerimaan Masyarakat Tempatan Terhadap Pelarian Rohingya Di Ampang, Selangor. *Journal of Islamic*, 7(49).
- Mohd Jamilul, A. M. D. & Noor Hidayah, T. (12 Oktober 2022). Wilayah 'jajahan' asing. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/10/891521/wilayah-jajahan-asing>
- Muhammad Khairul Haffizi Mohd Rushdi. (2025). Penyelia Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan. *Temu bual*, 23 Januari.
- Mohd Ramlan, M. A. & Mohammad Fajil, A. B. (2023). Impak Melindungi Pelarian Terhadap Ekonomi Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15(1), 13-24.
- Mohd Zulhairi Mohd Nor. (2024). Penolong Pengarah Imigresen Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Putrajaya. *Mail Elektronik*, 24 Oktober.
- Muhammad, A. M. Z. (14 Februari 2023). Etnik Rohingya kembali 'jajah' Pasar Borong Selayang. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/245219/edisi/selangor-kl/etnik-rohingya-kembali-jajah-pasar-borong-selayang>
- Mustafa Kamal Ismail. (2025). Pengerusi Persatuan Sahabat Pencinta Malaysia. *Mail Elektronik*. 11 Mac.
- Nizam, Z. (28 April 2022). Rohingya merchants disguise as customers to avoid arrest. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2022/04/28/rohingya-merchants-disguise-customers-avoid-arrest/>
- Noor Azam, A. A., Yusmizal, D. A., Nurul Husna, M., Mohammad Khairil Asharaf, M. K., Shaiful Shahrin, A. P. & Amirul Aiman, H. (24 Disember 2023). Pajak tanah warga tempatan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1043721/pajak-tanah-warga-tempatan>
- Nur Syazwani, M. & Ishtiaq, H. (2019). Polisi Malaysia terhadap pelarian Rohingya. *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 16(3), 436-453.
- Ronis, S. R. (2011). *Economic Security Neglected Dimension of National Security?*. Smashbooks.
- Roslim Abu Bakar. (2025). Pemilik Painball Valley, Bukit Lagong, Selayang, Selangor. *Temu bual*, 12 Febuari.
- Samadi, A. (5 April 2023). Sindiket 'hawala' tumpas, 3 warga asing dalang urus kiriman wang ke luar negara ditahan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1086357/sindiket-hawala-tumpas-3-warga-asing-dalang-urus-kiriman-wang-ke-luar>

- Shamim, H. (2022). The Rohingya refugees' prolonged presence in Bangladesh: non-traditional security threats to the region. *Political Science and Security Studies Journal*, 3(4), 3-14.
- Sophian Mohd Zain. (2024). Pengerusi Persatuan Kebajikan Surplus Pulau Pinang, Sungai Petani, Kedah. *Temu bual*, 22 Mei.
- Teo, A. S. (2020). *No way home: Stories of Rohingya refugees in Bangladesh, Myanmar and Malaysia*. Gerakbudaya Enterprise and Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCARE).
- Universiti Teknologi MARA. (2023). *Seminar Keselamatan Sempadan Negara 2023*, Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya.
- UNODC. (2023). *The Hawala System: Its operations and misuse*. https://www.unodc.org/documents/data-and-analysis/AOTP/Hawala_Digital.pdf
- Zulkarnain Haron. (2024). Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Strategi & Pertahanan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kuala Lumpur. *Temu bual*. 28 Mei.